

Sultan Nazrin sampaikan Geran Penyelidikan Antarabangsa

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah hari ini berkenan menyampaikan tiga Geran Penyelidikan Penempatan Antarabangsa Anugerah Merdeka 2017 dalam satu majlis di The Malaysian Petroleum Club di sini hari ini.

Tiga penerima geran tersebut ialah Artis Seni Visual, K. Shahar, 32; Pegawai Penyelidikan Perubatan Institut Penyelidikan Perubatan, Dr. Sophia Rasheeqa Ismail, 30, dan Pensyarah Fakulti Sains Bioteknologi dan Biomolekul Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Zetty Norhana Balia Yusof, 35.

Penyelidikan itu masing-masing untuk mengangkat martabat budaya Orang Asli di negara ini, penyelidikan secara terperinci mengenai hubungan antara *lipid subtaip* dengan risiko *penyakit myocardial infarction* dan kajian mengenai rumpai laut untuk mengurangkan kulat pada kelapa sawit.

Penerima geran akan menerima bantuan kewangan bagi penempatan jangka pendek dengan mereka boleh memilih untuk mengikuti projek atau



SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH bersama penerima Anugerah Merdeka Geran Penempatan Antarabangsa 2017 iaitu Shahar Koyok (dua dari kanan), Dr. Sophia Rasheeqa Ismail (dua dari kiri) dan Dr. Zetty Norhana Balia Yusof (kanan) dalam majlis di Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Wan Zulkiflee Wan Ariffin (tiga kanan) dan Edward E. Graham (kiri).

program kerjasama di institusi, syarikat, agensi dan organisasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa selama tiga bulan untuk meningkatkan pengetahuan

dan pengalaman dalam penyelidikan.

Sultan Nazrin yang juga merupakan Penaung Diraja Anugerah Merdeka bertitah, tiga

orang bakat muda itu berpeluang mendapat manfaat daripada kerjasama dengan pakar terbaik dunia, mengumpul pengalaman berharga bagi bidang

mereka dan mencari penyelesaian terbaik untuk kemaslahatan masyarakat sejagat.

“Ini selaras dengan objektif Anugerah Merdeka untuk memupuk budaya kecemerlangan, menggalakkan pemikiran kepemimpinan dan inovasi serta meluaskan pandangan merentasi pandangan global.

“Bagi mewarisi legasi untuk generasi mendatang, satu-satunya cara adalah dengan mengekalkan kejayaan Malaysia sebagai pemain global yang dinamik, berdaya saing dalam sektor yang merangkumi sains dan teknologi, kepada seni dan kemanusiaan,” titah baginda.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin dan Pengerusi dan Presiden ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc. Edward E. Graham

Sultan Nazrin bertitah, bagi mencapai standard yang tinggi dalam Anugerah Merdeka, pemohon perlu melalui penilaian yang ketat sebelum dianugerahkan geran berkenaan.